

**PERBEZAAN STRUKTUR BAHASA ARAB STANDARD MODEN (MSA) DAN
BAHASA ARAB KLASIK (CA): PENSTRUKTURAN SEMULA NAHU
DAN IMPLIKASINYA TERHADAP PEDAGOGI
SERTA PENILAIAN KEFASIHAN**

**[STRUCTURAL DIVERGENCE BETWEEN MODERN STANDARD ARABIC (MSA)
AND CLASSICAL ARABIC (CA): GRAMMATICAL RECONFIGURATION AND
ITS IMPLICATIONS FOR PEDAGOGY AND FLUENCY ASSESSMENT]**

Amer Hudhaifah Hamzah

Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, amerukun@ums.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.51200/kitab.v2i2.7238>

ABSTRAK

Bahasa Arab Standard Moden (MSA) berfungsi sebagai bahasa bersama dalam dunia Arab kontemporari, namun kejayaannya tidak terletak semata-mata pada faktor sociolinguistik, sebaliknya pada keupayaannya melakukan penyesuaian struktur terhadap keperluan komunikasi moden. Artikel ini menganalisis empat ciri distingtif MSA secara komparatif dengan Bahasa Arab Klasik (CA), iaitu peluasan *idafah*, fleksibiliti sistem *isnad*, kecenderungan kepada nominalisasi dan *fi'l mudari'* yang tidak terikat masa, serta penggantian penandaan morfologi dengan penandaan relasional melalui *harf jarr*. Dapatan menunjukkan bahawa perubahan-perubahan ini membentuk satu pola penstrukturan semula sintaksis yang konsisten, melibatkan pemadatan maklumat, penyah-pemusatan agen, pengurangan subordinasi, dan peralihan daripada penandaan *i'rab* kepada hubungan relasional. Perubahan ini bukan penyimpangan daripada norma klasik, tetapi pengembangan fungsional terhadap potensi struktur CA. Kajian ini turut menghuraikan implikasi perubahan tersebut terhadap pedagogi pengajaran bahasa Arab dan penilaian kefasihan, dengan menegaskan keperluan pembezaan konseptual yang jelas antara CA dan MSA dalam perkembangan pedagogi dan penilaian kefasihan bahasa.

Kata kunci: Linguistik, tatabahasa Arab, sintaksis, pendidikan Bahasa, sociolinguistik

ABSTRACT

Modern Standard Arabic (MSA) functions as a shared language in the contemporary Arab world; however, its success does not rest solely on sociolinguistic factors, but rather on its capacity for structural adaptation to the demands of modern communication. This article offers a comparative analysis of four distinctive features of MSA in relation to Classical Arabic (CA), namely the expansion of *idafa* constructions, the flexibility of the *isnad* system, the tendency towards nominalization and temporally unbounded *fi'l mudari'*, and the replacement of morphological marking with relational encoding through *harf jarr*. The findings indicate that these changes form a coherent pattern of syntactic restructuring, involving information compression, de-agentivization, reduction of subordination, and a shift from *i'rab*-based marking to relational structures. These developments do not constitute a deviation from classical norms, but rather a functional extension of CA's structural potential. The study further discusses the implications of these changes for Arabic language pedagogy and fluency assessment, emphasizing the

need for a clear conceptual distinction between CA and MSA in both instructional design and evaluative practices.

Keywords: *Linguistics, Arabic grammar, syntax, language education, sociolinguistics*

PENDAHULUAN

Bahasa Arab dari segi strukturalnya dapat diklasifikasikan kepada beberapa jenis utama, iaitu Bahasa Arab Kuno (*Old Arabic, OA*), Bahasa Arab Klasik (*Classical Arabic, CA*), Bahasa Arab Standard Moden (*Modern Standard Arabic, MSA*) dan Bahasa Arab dialek (*Dialectal Colloquial Arabic, CDA*). Bahasa Arab Kuno atau OA lazimnya dikenal pasti melalui inskripsi-inskripsi purba yang menggunakan pelbagai sistem tulisan seperti Thamudik, Safaitik, Lihyanik dan Nabataean yang bertarikh sekitar milenium pertama sebelum Masihi hingga abad ke-4 Masihi. (al-Jallad, A., 2020)

Kira-kira satu setengah abad sebelum hijrah (sekitar abad ke-5 Masihi), Bahasa Arab Klasik atau CA mula terbentuk sebagai medium pertuturan dan kesusasteraan berprestij dalam kalangan pelbagai kabilah Arab, sejajar dengan perkembangan pesat tradisi syair Arab Jahiliyyah. Bentuk bahasa ini kemudiannya mencapai tahap normatif dan autoritatif melalui al-Qur'an serta tradisi keilmuan Islam, sebelum mengalami fragmentasi lisan dalam bentuk pelbagai dialek Arab di Semenanjung Tanah Arab dan wilayah sekitarnya. (Amer H. H., 2021: 187)

Pada akhir abad ke-19 pula, Bahasa Arab Standard Moden atau MSA terhasil melalui perkembangan dan pembakuan rasmi bahasa Arab yang diusahakan oleh sarjana dan institusi bahasa Arab moden seperti Syawqi Dayf, Ibrahim Anis dan Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah di Kaherah. (al-Hajj Salih, 2008) MSA dibentuk berasaskan struktur Bahasa Arab Klasik (CA), namun disesuaikan dengan keperluan komunikasi moden dalam bidang pendidikan, pentadbiran, media dan wacana akademik bagi memastikan fungsi bahasa Arab kekal relevan sebagai bahasa ilmu, bahasa negara dan medium komunikasi global dalam konteks masyarakat Arab moden yang berhadapan dengan perubahan sosial, politik dan teknologi pasca kolonialisme.

PERANAN MSA TERHADAP KEBERLANGSUNGAN CA

Bahasa Arab Standard Moden (MSA) dianggap sebagai antara kejayaan sosiolinguistik paling signifikan di dunia moden, khususnya dari sudut keupayaannya menyatukan penutur Arab daripada pelbagai wilayah sebagai satu komuniti linguistik dan identiti kolektif yang dikenali sebagai "bangsa Arab". Dalam konteks dunia Arab yang sangat terpecah secara dialektal, MSA berfungsi sebagai kod supra-wilayah yang neutral, tidak terikat kepada mana-mana dialek tempatan, sekali gus membolehkan komunikasi rentas sempadan tanpa keperluan penterjemahan. Peranan ini menjadikan MSA sebagai bahasa bersama yang melampaui perbezaan fonologi, leksikal dan sintaktik antara dialek Arab tempatan yang kadangkala tidak saling difahami secara lisan.

Dari perspektif sosiolinguistik, kejayaan ini dapat difahami melalui kerangka diglosia, sebagaimana diuraikan oleh Ferguson (1959, 1996), yang mana MSA berperanan sebagai varieti "tinggi" (*High variety*) yang digunakan dalam domain rasmi seperti pendidikan, pentadbiran, agama, dan media, manakala dialek tempatan berfungsi sebagai varieti "rendah" (*Low variety*) dalam komunikasi harian. Walaupun MSA jarang digunakan sebagai bahasa ibunda atau perbualan spontan,

ia tetap dikuasai secara pasif dan aktif oleh penutur Arab melalui sistem pendidikan dan pendedahan media. Keadaan ini mewujudkan suatu situasi yang luar biasa, di mana sebuah bahasa standard yang bukan bahasa ibunda berjaya mengekalkan prestij, kestabilan dan fungsi yang meluas dalam masyarakat moden, meskipun ia sering digunakan bersama varieti lisan melalui fenomena alih kod (*code-switching*) (Jaradat, A.A. & al-Khawaldeh, N., 2015; Keleg et al., 2023).

Selain itu, MSA memainkan peranan penting dalam pembinaan identiti kolektif Arab sebagai sebuah “*imagined community*”, dalam pengertian yang dikemukakan oleh Benedict Anderson. (Putri et al., 2018) Melalui penggunaan MSA dalam teks bertulis seperti akhbar, karya sastra, dokumen undang-undang, resolusi politik dan wacana keagamaan, penutur Arab dari latar geografi dan budaya yang berbeza dapat membayangkan diri mereka sebagai sebahagian daripada komuniti yang sama. Bahasa di sini bukan sekadar alat komunikasi, tetapi medium simbolik yang menghubungkan sejarah, agama, dan naratif tamadun Arab-Islam ke dalam satu ruang wacana bersama.

Kejayaan MSA juga terletak pada sifatnya sebagai bahasa institusi dan bahasa ideologi, bukannya bahasa etnik sempit. Ia diterima oleh pelbagai kelompok sama ada Arab Muslim atau Kristian, sekular atau religius, Afrika atau Asia sebagai bahasa bersama yang melambangkan kesinambungan sejarah dan kesatuan budaya. Dalam hal ini, MSA bukan sahaja menyaingi dialek tempatan yang bersifat fragmentari, tetapi juga menangkis kecenderungan fragmentasi linguistik yang kian menjarak dari semasa ke semasa, suatu hal yang lazim berlaku dalam komuniti berbilang dialek di kawasan lain di dunia. (Harrat et al., 2015)

Walaupun berdepan cabaran kontemporari seperti dominasi bahasa Inggeris, jurang antara MSA dan dialek, serta persoalan keberkesanan pedagogi, peranan MSA sebagai bahasa penyatu dunia Arab masih kekal kukuh. Secara keseluruhan bagi pengkaji, kejayaan MSA tidak semestinya terletak pada penggunaannya sebagai bahasa pertuturan harian semata-mata, tetapi juga pada kemampuannya membentuk ruang linguistik, wacana dan identiti bersama yang memungkinkan kewujudan “Arab” sebagai satu entiti kolektif dalam dunia moden. Tetapi walaupun MSA menunjukkan potensi yang tinggi dalam mengekalkan legasi Bahasa Arab Klasik (CA) dalam konteks dunia moden, namun tidak dapat dinafikan bahawa masih wujud jurang yang jelas antara kedua-dua varieti tersebut yang sering menimbulkan kesukaran kepada pelajar bahasa untuk memahami dan menguasainya secara serentak melalui satu silibus pengajian yang sama.

Perbezaan yang pengkaji maksudkan ini bukan sahaja melibatkan aspek leksikal dan pragmatik, malah turut merangkumi perbezaan pada aras sintaksis dan morfologi yang memberi kesan langsung terhadap pembentukan ayat, pemetaan peranan sintaktik serta realisasi struktur nahu. Sebahagiannya berpunca daripada penyesuaian sistemik Bahasa Arab Standard Moden (MSA) terhadap keperluan komunikasi moden dalam domain pentadbiran, media, pendidikan dan wacana awam. Dalam erti kata lain, MSA berusaha mengekalkan kerangka klasiknya, tetapi mengolah semula strategi sintaksis dan organisasi maklumat bagi memenuhi tuntutan kejelasan, kepadatan makna dan kecekapan komunikasi dalam masyarakat kontemporari. Keadaan ini menjadi lebih bermasalah dalam penilaian kefasihan bahasa apabila perbezaan antara CA dan MSA tidak ditangani secara sistematik, sehingga kriteria kefasihan menjadi kabur dan tidak selaras dengan konteks penggunaan sebenar setiap varieti.

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk memperlihatkan secara terperinci jurang perbezaan struktural antara CA dan MSA dengan memfokuskan analisis kepada aspek nahu struktural, khususnya pola sintaksis, mekanisme penandaan peranan semantik dan strategi pernyataan agen serta objek dalam kedua-dua varieti. Melalui pendekatan ini, kajian berhasrat mencadangkan suatu kerangka pemahaman yang lebih jelas tentang perbezaan sistemik antara CA dan MSA, di samping menerangkan asas konseptual yang lebih kukuh bagi pembangunan silibus, kaedah pengajaran, dan penilaian kefasihan bahasa Arab yang lebih tepat serta kontekstual.

CIRI-CIRI DISTINGTIF MSA BERBANDING CA

Secara umum, Bahasa Arab Standard Modern (MSA) menonjolkan beberapa ciri sintaksis dan nahu yang berbeza dengan Bahasa Arab Klasik (CA). Sesetengah ciri ini, seperti penggunaan *idafah* yang lebih panjang untuk membentuk frasa padat dan bermakna, mungkin pernah dianggap tidak fasih atau salah dalam tradisi pengajian CA.

Sebahagian ciri lain pula mungkin tidak wujud atau tidak dikenali dalam norma klasik, menyebabkan bentuk-bentuknya kadangkala dianggap ganjil atau membingungkan bagi pelajar dan pembaca yang terbiasa dengan kaedah tradisional. Antaranya termasuk fleksibiliti sistem *isnad*, pemindahan makna temporal kepada fungsi semantik yang lebih umum, serta penggantian penanda peranan semantik kompleks (*theta-role*) dengan *harf jarr*, yang menyederhanakan mekanisme kasus tatabahasa dalam CA. Setiap ciri ini akan diperincikan dalam perbincangan berikut.

1. Penggunaan *idafah* yang lebih panjang

Berdasarkan beberapa contoh yang telah dikumpulkan, didapati bahawa Bahasa Arab Standard Modern (MSA) menunjukkan keterbukaan terhadap penggunaan kaedah *idafah* yang lebih panjang, melebihi had yang lazim ditetapkan oleh sesetengah ulama Balaghah.

Sebagai perbandingan, tradisi klasik sering merujuk kepada contoh seperti ungkapan “حَمَامَةُ جَرَعَى حَوْمَةِ الْجَنْدَلِ” dalam bait syair Ibn Babik untuk membuktikan *idafah* yang panjang (تتابع الإضافات) menjadikan sebutan terasa berat dan lidah sukar melafazkan. (al-Taftazani, 1912: 23) Malah, diriwayatkan daripada al-Sahib Isma'il ibn 'Abbad (sahabat Ibn al-'Amid) bahawa bentuk *idafah* yang panjang ini sering digunakan dalam konteks celaan atau ungkapan bernada negatif (al-Jurjani, 2000: 146).

Walau bagaimanapun, penggunaan *idafah* yang lebih panjang masih kekal dan bahkan meluas dalam MSA kerana strukturnya membolehkan pembentukan frasa nominal yang sangat padat dan kaya makna dalam satu rangka sintaksis. Dalam konteks wacana moden, khususnya media, politik dan penulisan rasmi, keperluan untuk menyampaikan maklumat yang kompleks secara ringkas menjadikan *idafah* sebagai satu strategi linguistik yang berkesan. Hal ini dapat diperhatikan dalam contoh berikut:

يَرْتَفِعُ عَدَدُ شُهَدَاءِ اسْتِهْدَافِ قُوَاتِ الْإِحْتِلَالِ مِنْ مُنْتَظَرِي الْمُسَاعَدَاتِ

dan

الْإِحْتِلَالُ يَسْعَى عَمْدًا إِلَى تَقْوِيضِ اتِّفَاقٍ وَقَفِ إِبْطَالِ النَّارِ وَإِفْشَالِهِ

Dalam kedua-dua contoh ini, *idafah* tidak terbina secara sederhana antara dua unsur sahaja, tetapi melibatkan beberapa lapisan kata nama dan frasa yang saling berkait. Salah satu sebab utama terhasilnya *idafah* yang panjang ialah peristilahan moden itu sendiri, yang lazimnya sudah panjang dan bersifat teknikal seperti *قُوَاتِ الْإِحْتِلَالِ* atau *إِبْطَالِ النَّارِ* dan kemudiannya digabungkan pula dalam hubungan *idafah* yang lebih besar. Apabila istilah-istilah ini disusun bersama, hasilnya ialah rangkaian *idafah* yang berlapis dan kompleks.

Dari sudut sintaksis, MSA pada dasarnya membenarkan ekspansi frasa nominal yang lebih fleksibel berbanding norma klasik. Setiap unsur dalam rangkaian *idafah* masih mengekalkan hubungan hierarki yang jelas antara *mudaf* dan *mudafilayh*, walaupun bilangannya bertambah. Ini membolehkan penutur atau penulis menumpukkan atribut, spesifikasi dan maklumat tambahan secara berperingkat dalam satu struktur frasa tanpa perlu memecahkannya kepada beberapa ayat berasingan. Dengan kata lain, *idafah* berfungsi sebagai alat pemadatan makna (*semantic compression*) yang sangat sesuai dengan keperluan komunikasi moden.

Namun demikian, fleksibiliti ini turut membawa implikasi pedagogi yang tidak dapat dielakkan. Bagi pelajar atau pembaca yang telah dilatih dengan norma klasik yang lebih terhad seperti di Malaysia, *idafah* panjang sering dianggap berat, tidak fasih atau bernilai balaghah rendah menyebabkan bentuk-bentuk MSA seperti ini sering dianggap mengelirukan dan sukar diuraikan. Kesukaran ini bukan berpunca daripada ketidakteraturan struktur, tetapi daripada peralihan norma sintaksis antara CA dan MSA yang belum ditanggapi secara sedar dalam pengajaran bahasa Arab.

Pada hakikatnya, *idafah* yang panjang bukanlah tidak pernah wujud dalam Bahasa Arab Klasik (CA). Bahkan, sebilangan ulama Balaghah sendiri mengemukakan contoh daripada al-Qur'an yang menunjukkan bahawa struktur *idafah* boleh mencapai gabungan empat unsur, seperti frasa *(مِثْلُ دَابِّ قَوْمِ نُوحٍ)* dalam Surah Ghafir ayat 31 dan *(ذِكْرُ رَحْمَتِ رَبِّكَ)* dalam Surah Maryam ayat 2. (al-Taftazani, 1912: 24) Walau bagaimanapun, struktur ini mungkin dianggap lebih ringan dan mudah diterima kerana penglibatan unsur yang bersifat umum atau fungsional, seperti perkataan *مِثْلُ* dan penggunaan damir *كَ*, yang tidak membebankan pemprosesan makna.

Sehubungan itu, al-Jurjani (2000: 147) sendiri meletakkan pengecualian terhadap pandangan al-Sahib Isma'il ibn 'Abbad dengan menegaskan bahawa *idafah* yang panjang tidak ditolak secara mutlak; sebaliknya, "jika ia selamat daripada kesukaran, maka ia dianggap baik dan indah." Prinsip ini menunjukkan bahawa penilaian terhadap *idafah* panjang dalam tradisi Balaghah klasik bersifat kontekstual, bukan larangan struktural semata-mata.

2. Fleksibiliti sistem *isnad*

Berdasarkan pelbagai contoh, Bahasa Arab Standard Moden (MSA) memperlihatkan fleksibiliti yang lebih besar dalam sistem *isnad*, khususnya dalam cara *fa'il* dinyatakan. Dalam struktur tradisional Bahasa Arab Klasik (CA), *fa'il* lazimnya hadir secara langsung sebagai unsur marfu' sama ada selepas *fi'l* atau sebagai pihak yang diidafahkan kepada *masdar*. Namun dalam MSA, kecenderungan yang ketara ialah menggunakan *bina' li al-majhul* atau mengidafahkan *masdar* kepada *maful bihi*, kemudian menyatakan *fa'il* dalam bentuk frasa preposisional. Oleh itu, *fa'il* sebenar diturunkan daripada kedudukan argumen teras (*core argument position*) kepada kedudukan periferal dalam struktur ayat, lazimnya direalisasikan melalui frasa preposisional.

Hal ini dapat diperhatikan dalam contoh seperti:

وَقَدْ تُسْتَوْرَدُ الْمُنتَجَاتُ مِنْ قِبَلِ الدُّوَلِ الْمُتَقَدِّمَةِ
... حِينَ مَنَحَ الْبَيْعَةَ لِحُكُومَةٍ أُخْرَى مِنْ الْمَجْلِسِ التَّشْرِيعِيِّ

yang secara tradisional akan dibina sebagai:

وَقَدْ تُسْتَوْرَدُ الدُّوَلُ الْمُتَقَدِّمَةُ الْمُنتَجَاتُ
... حِينَ مَنَحَ الْمَجْلِسُ التَّشْرِيعِيُّ الْبَيْعَةَ لِحُكُومَةٍ أُخْرَى

Dalam kedua-dua contoh MSA tersebut, *maful bihi* (الْمُنتَجَاتُ، الْبَيْعَةُ) menjadi pusat struktur, sama ada melalui *fi'l* pasif atau idafah, manakala *fa'il* (الدُّوَلُ الْمُتَقَدِّمَةُ، الْمَجْلِسُ التَّشْرِيعِيُّ) diperkenalkan secara periferal melalui مِنْ قِبَلِ atau مِنْ.

Fenomena yang sama dapat diperhatikan dalam ayat seperti:

قَدَّمْنَا رِسَالَةً مُوقَّعَةً مِنْ قِبَلِ ٥٢ دَوْلَةً إِلَى الْأُمَمِ الْمُتَّحِدَةِ

berbanding bentuk klasiknya:

قَدَّمْنَا رِسَالَةً تُوقَّعُهَا ٥٢ دَوْلَةً إِلَى الْأُمَمِ الْمُتَّحِدَةِ

Dalam contoh ini, *fa'il* (٥٢ دَوْلَةً) tidak diperkenalkan melalui klausa subordinat (تُوقَّعُهَا), sebaliknya dialihkan ke frasa preposisional (مِنْ قِبَلِ ٥٢ دَوْلَةً). Strategi ini bukan sahaja mengelakkan pembinaan ayat bertingkat, tetapi juga memelihara fokus wacana pada topik utama (رِسَالَةً) tanpa memecah perhatian pembaca kepada struktur subordinasi yang berasingan.

Dalam kesemua struktur ini, *fa'il* tidak dimansuhkan, tetapi dinyahpusatkan dan dikodkan secara relasional, sekali gus menunjukkan bahawa MSA sedang menstruktur semula hubungan *isnad*. Pendekatan ini mencerminkan keanjalan sintaksis bahasa moden, yang menyesuaikan urutan dan penzahiran unsur ayat untuk mencapai kejelasan, kepadatan maklumat dan kelancaran komunikasi, khususnya dalam teks media, pentadbiran dan pendidikan. Dalam erti kata lain, MSA mula memisahkan antara “siapa melakukan” dan “apa yang berlaku” sebagai dua lapis maklumat yang tidak semestinya perlu hadir serentak dalam struktur tatabahasa.

3. Pemindahan makna temporal kepada fungsi semantik yang lebih umum

Bahasa Arab Standard Moden (MSA) cenderung membina ayat ringkas dengan menggunakan *masdar* sebagai elemen utama, berbeza dengan *fi'l* yang membawa makna masa tertentu. Pendekatan ini menyebabkan sebahagian besar ayat dalam MSA adalah ayat nominal, bukan verbal, seperti dapat dilihat dalam contoh berikut:

قَصِفُ مَدْفَعِي إِسْرَائِيلِي يَسْتَهْدِفُ الْحَيَّ الْفِلَسْطِينِيَّ
جُنْدِيَّانِ إِسْرَائِيلِيَّانِ يُدَسِّسَانِ مَسْجِدًا قَبْلَ تَفْجِيرِهِ

Jika dibandingkan dengan gaya yang lebih tradisional dalam CA:

مَدْفَعُ إِسْرَائِيلِيٍّ يَقْصِفُ وَيَسْتَهْدِفُ الْحَيَّ الْفِلَسْطِينِيَّ
جُنْدِيَّانِ إِسْرَائِيلِيَّانِ يُدَسِّسَانِ مَسْجِدًا قَبْلَ أَنْ يُفْجِرَاهُ

jelas bahawa MSA mengurangkan penggunaan *fi'l*, apatah lagi *fi'l* dalam ayat tradisional sering menuntut penggunaan struktur tambahan seperti *أَنْ الْمَصْدَرِيَّة*, yang jarang dimanfaatkan dalam gaya moden. Maka atas dasar ini, kita akan lebih sering mendengar ayat seperti *بَعْدَ دَهَابِهِ* atau *حَتَّى قِيَامِهِمْ* berbanding *يَذْهَبُ* atau *يَقُومُوا*.

Seperti yang dimaklumi, *أَنْ الْمَصْدَرِيَّة*, seperti juga *أَنَّ التَّقْيِيلَةَ*, berfungsi sebagai partikal yang membentuk hubungan subordinatif antara ayat utama dan ayat kecil dalam struktur klasik bahasa Arab. Namun, dalam Bahasa Arab Standard Moden (MSA), penggunaan *أَنْ الْمَصْدَرِيَّة* menunjukkan kemerosotan yang ketara, manakala *أَنَّ التَّقْيِيلَةَ* terus mengekalkan kepentingannya. Hal ini dapat dijelaskan oleh peranan tambahan yang dimainkan oleh *أَنَّ التَّقْيِيلَةَ* dalam MSA, bukan sahaja sebagai penanda subordinasi, tetapi juga sebagai penanda deklaratif dan autoritatif dalam wacana rasmi. Dalam konteks ini, peralihan strategi sintaksis MSA daripada struktur subordinatif kepada nominalisasi langsung menjadi lebih jelas, apabila sebahagian fungsi *أَنْ الْمَصْدَرِيَّة* telah diambil alih oleh penggunaan *masdar*. Perubahan ini mencerminkan penyesuaian sistemik MSA terhadap keperluan komunikasi moden yang menekankan kejelasan, kepadatan maklumat dan ekonomi struktur, selain ia tidak semestinya merupakan suatu penyimpangan daripada tatabahasa klasik.

Dalam masa yang sama, penggunaan *fi'l* dalam MSA juga menjadi lebih terhad, dan apabila digunakan, ia lazimnya hadir dalam bentuk *fi'l mudari'* kerana sifatnya yang fleksibel dari segi temporal serta sesuai untuk menyatakan fakta umum atau keadaan yang tidak terikat kepada masa tertentu (*timeless*). Strategi ini menekankan fungsi komunikatif langsung dengan menjadikan ayat lebih padat, jelas dan mudah diproses, tanpa lenggok atau hiasan bahasa yang berat. Pendekatan ini sekali gus memperlihatkan bagaimana MSA menyesuaikan struktur tradisional Bahasa Arab Klasik (CA) untuk memenuhi keperluan pertuturan dan penulisan moden, khususnya dalam media, pendidikan dan dokumen rasmi.

4. Penggantian penanda peranan semantik kompleks (*theta-role*) dengan harf jarr

Pemerhatian terhadap wacana kontemporari menunjukkan, walaupun Bahasa Arab Standard Moden (MSA) masih mengekalkan kerangka tatabahasa klasik, namun ia semakin kurang memanfaatkan pelbagai bentuk mansub yang kompleks sebagaimana yang lazim dalam Bahasa Arab Klasik (CA). Sebaliknya, MSA memperlihatkan kecenderungan yang jelas untuk menggunakan *harf jarr* dan partikel bagi mengekspresikan hubungan sintaktik dan peranan semantik. Dengan

kata lain, kejelasan fungsi unsur ayat tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada pengimbuhan tatabahasa dan *i'rab*, tetapi dipelihara melalui struktur relasional.

Hal ini dapat diperhatikan dalam contoh seperti:

نُؤَاجُهُ حَسَارَةُ الْجِيلِ بِأَكْمَلِهِ مِنَ الْحَرْبِ الْمُسْتَمِرَّةِ
لَقَدْ اشْتَرَى الْكِتَابَ لِلتَّوِّ مِنْ ذَلِكَ الْمَحَلِّ

Dalam struktur klasik, unsur seperti *hal* dan *zarf* lazimnya hadir dalam bentuk mansub, contohnya *كَامِلًا* dan *تَوًّا*. Namun dalam MSA, kedua-duanya sering muncul dalam bentuk frasa preposisional seperti *بِأَكْمَلِهِ* dan *لِلتَّوِّ*. Meskipun bentuk mansub seperti *تَوًّا* masih boleh ditemui secara terhad dalam MSA, penggunaan bentuk seperti *كَامِلًا* sangat jarang, dan digantikan oleh struktur preposisional yang lebih ringan dan mudah diproses.

Fenomena ini menunjukkan bahawa MSA sedang mengalihkan kaedah penandaan peranan sintaktik daripada penandaan morfologi yang sudah sangat pudar hari ini, iaitu '*alamat al-i'rab*', kepada penandaan relasional melalui preposisi. Peranan seperti keterangan keadaan, masa, cara dan hubungan lain tidak lagi perlu dinyatakan melalui perubahan bentuk kata, tetapi dapat dijelaskan melalui hubungan antara unsur yang dibina oleh *harf jarr*. Strategi ini sejajar dengan keperluan wacana moden yang menuntut kejelasan dan kepadatan maklumat serta kelancaran komunikasi.

Apabila fenomena ini diperhatikan bersama dengan fleksibiliti sistem *isnad* yang telah dibincangkan dalam poin ke-2, satu pola yang lebih konsisten mula kelihatan. Sebagaimana *fa'il* dalam MSA sering dinyatakan melalui frasa preposisional atau diturunkan daripada slot sintaktik asalnya, demikian juga *hal*, *zarf* dan unsur-unsur mansub lain kini semakin dikodkan melalui struktur relasional. Ini menunjukkan bahawa perubahan yang berlaku pada sistem *isnad* bukanlah fenomena terasing, tetapi sebahagian daripada penstrukturan semula yang lebih menyeluruh terhadap cara MSA menandai peranan sintaktik.

Isu yang dibincangkan ini sebenarnya lebih menyeluruh dan dapat dihuraikan di bawah kerangka penyah-morfologian peranan sintaktik (*demorphologization of syntactic roles*) dalam bahasa moden. Dengan itu, dapat difahami bahawa MSA sedang bergerak ke arah sistem yang kurang bergantung kepada *i'rab* (infleksi), dan lebih mengutamakan hubungan relasional melalui preposisi dan partikel. Perubahan ini berlaku secara berperingkat dan pragmatik, sejajar dengan keperluan wacana moden, tanpa memutuskan kesinambungan struktur asas Bahasa Arab Klasik (CA).

IMPLIKASI TERHADAP PEMBELAJARAN DAN PENILAIAN KEFASIHAN BAHASA ARAB

Ringkasnya, keempat-empat perubahan struktural yang diperlihatkan oleh Bahasa Arab Standard Moden (MSA) yang dibincangkan di atas membawa implikasi yang signifikan terhadap pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau ketiga. Pelajar yang dilatih secara intensif dalam kerangka Bahasa Arab Klasik (CA) sering membina jangkaan bahawa kefasihan diukur melalui pematuhan ketat terhadap *i'rab*, struktur *fi'l-fa'il* yang eksplisit, dan penggunaan mansub yang pelbagai. Apabila berhadapan dengan struktur MSA yang lebih anjal dan relasional, mereka

cenderung menganggapnya sebagai tidak fasih, salah, atau menyimpang, sedangkan hakikatnya ia mencerminkan norma sintaksis moden yang sah dan produktif.

Dari aspek pedagogi, kegagalan membezakan secara konseptual antara CA dan MSA boleh menyebabkan kekeliruan objektif pembelajaran. Pelajar tidak akan sedar sama ada mereka sedang dilatih untuk menguasai bahasa teks agama klasik atau bahasa wacana moden, lalu terperangkap dalam percubaan menguasai kedua-duanya secara serentak. Keadaan ini mudah membawa kepada kelelahan kognitif, kerana pelajar dipaksa memproses dua sistem tatabahasa yang berbeza logik dalaman dan strategi penandaan peranannya. Akibatnya, motivasi boleh terjejas dan pembelajaran menjadi mekanikal tanpa kefahaman struktur yang mendalam.

Dalam konteks penilaian kefasihan, penggunaan kerangka Bahasa Arab Klasik (CA) untuk menilai produksi Bahasa Arab Standard Moden (MSA) boleh menghasilkan penilaian yang tidak adil dan kurang tepat. Struktur seperti *bina' li al-majhul*, *masdar* yang diidafahkan kepada *maful*, penggunaan *harf jarr* untuk menandai peranan sintaktik, atau pengelakan subordinasi sering ditandai sebagai “tidak asli” oleh pemeriksa yang berpaksikan norma klasik. Persepsi ini bukan sahaja berpunca daripada perbezaan struktur, tetapi juga dipengaruhi oleh ideologi keaslian dan kewibawaan bahasa, di mana bentuk lama dianggap lebih sah dan berautoriti berbanding bentuk moden (Moody, 2020). Sedangkan dari perspektif linguistik moden, struktur-struktur tersebut merupakan strategi komunikatif yang sah, efisien dan sejajar dengan wacana kontemporari. Hal ini menunjukkan keperluan mendesak untuk menyelaraskan rubrik penilaian dengan realiti struktur MSA.

Lebih jauh lagi, fenomena penyah-morfologian peranan sintaktik menuntut pendekatan pengajaran yang tidak lagi berpusat semata-mata pada hafalan *i'rab* dan perubahan bentuk kata, tetapi turut menekankan pemahaman hubungan sintaktik dan organisasi maklumat. Pelajar perlu dilatih membaca dan membina ayat berdasarkan relasi makna, fokus wacana, dan struktur informasi, bukan hanya berdasarkan kedudukan sintaktik. Ini menuntut peralihan daripada pedagogi berteras “betul-salah *i'rab*” kepada pedagogi berteras fungsi, wacana dan strategi struktur.

Oleh itu, pengajaran bahasa Arab yang berkesan dalam konteks moden perlu berasaskan pembezaan jelas antara CA dan MSA, serta kesedaran bahawa kedua-duanya beroperasi dengan logik sintaksis yang tidak sepenuhnya serupa. Tanpa kerangka konseptual ini, pelajar akan terus terperangkap dalam kekeliruan norma, manakala guru pula akan cenderung menilai berdasarkan paradigma yang tidak lagi sepenuhnya sejajar dengan realiti bahasa. Dalam erti kata lain, memahami perubahan struktur MSA bukan sekadar isu linguistik, tetapi merupakan prasyarat asas kepada perkembangan pedagogi pengajaran bahasa dan penilaian kefasihan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, Bahasa Arab Standard Moden (MSA) sememangnya telah memperlihatkan suatu kejayaan sosiolinguistik yang luar biasa dalam dunia Arab kontemporari. Sebagai bahasa institusi, media, pendidikan dan wacana rasmi, MSA telah berfungsi sebagai wahana penyatuan linguistik merentas wilayah, dialek dan identiti setempat, serta mengekalkan kesinambungan simbolik dengan warisan Bahasa Arab Klasik (CA). Kejayaan ini tidak terhasil melalui pembekuan struktur klasik, tetapi melalui penyesuaian sistemik terhadap keperluan komunikasi moden,

sekali gus membuktikan bahawa vitaliti MSA terletak pada keupayaannya mengimbangi tradisi dan inovasi.

Analisis terhadap empat ciri utama, iaitu peluasan *idafah*, fleksibiliti sistem *isnad*, pemindahan makna temporal kepada fungsi semantik yang lebih umum, serta penggantian penanda peranan sintaktik kompleks dengan *harf jarr*, menunjukkan MSA sedang mengalami penstrukturan semula sintaksis yang konsisten dan bermakna. Peluasan *idafah* membolehkan pemadatan maklumat dan ekspansi frasa nominal yang efisien; fleksibiliti *isnad* menampakkan nyah-pemusatan *fa'il* dan pemisahan antara agen dan peristiwa; kecenderungan kepada nominalisasi serta *fi'l mudari'* yang bersifat tidak terikat masa mengurangkan beban subordinasi; manakala peralihan daripada penandaan morfologi kepada penandaan relasional melalui preposisi mencerminkan proses penyah-morfologian peranan sintaktik. Kesemua perubahan ini memperlihatkan satu arah yang sama, iaitu daripada sintaksis berteras *i'rab* kepada sintaksis berteras relasi, konfigurasi dan wacana.

Perbezaan-perbezaan ini tidak wajar ditafsir sebagai penyimpangan atau kemerosotan bahasa, sebaliknya sebagai penyesuaian pragmatik yang meningkatkan kejelasan, kepadatan maklumat dan kelancaran komunikasi dalam konteks moden. Dengan kata lain, MSA tidak memutuskan hubungan dengan CA, tetapi mengembangkan potensi struktur klasik bagi memenuhi tuntutan wacana kontemporari. Walau bagaimanapun, perbezaan, atau lebih tepat lagi perkembangan ini, memberi kesan langsung kepada strategi pedagogi dan penilaian kefasihan bahasa. Kegagalan membezakan CA dan MSA secara konseptual sering mendorong kekeliruan objektif pembelajaran, kelelahan kognitif, serta penilaian yang tidak adil apabila norma klasik digunakan untuk menilai produksi moden. Perubahan struktur MSA menuntut peralihan pendekatan pengajaran daripada penekanan eksklusif terhadap hafalan *i'rab* dan perubahan bentuk kepada pemahaman relasi sintaktik, organisasi maklumat dan fokus wacana.

Dalam konteks penilaian, kefasihan tidak lagi wajar diukur semata-mata berdasarkan kepatuhan kepada pola klasik, tetapi perlu diselaraskan dengan realiti struktur dan strategi komunikatif MSA. Hanya dengan memahami MSA sebagai sistem yang berjaya secara sosiolinguistik dan sedang mengalami penstrukturan semula sintaksis yang berasas, barulah pengajaran bahasa Arab dapat dibina secara lebih realistik, adil dan berkesan, tanpa menafikan legasi Bahasa Arab Klasik (CA) sebagai teras sejarah dan budaya bahasa tersebut.

RUJUKAN

- Amer, H. H. (2021). *Ikrab Bahasa Arab dari perspektif ulama Alam Melayu* (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Malaya.
- Al-Hajj Salih, A. R. (2008). Musahamat al-majami' al-lughawiyah fi tarqiyat al-lughah al-'Arabiyyah wa tajdid muhtawaha wa tawsi' afaqiha. *Majallat al-Majma' al-Jaza'iri li al-Lughah al-'Arabiyyah*, 4(2), 9–30. <https://doi.org/10.70443/jaaal.v4i2.230>
- Al-Jallad, A. (2020). Pre-Islamic Arabic. In C. Lucas & S. Manfredi (Eds.), *Arabic and contact-induced change* (pp. 37–55). Language Science Press.
- Al-Jurjani, Abd al-Qahir. (2000). *Dala'il al-I'jaz*. Al-Maktabah al-Asriyyah.
- Al-Taftazani, Sa'd al-Din Mas'ud al-Harawi. (1912). *Al-Mutawwal fi Sharh al-Talkhis*. Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.
- Harrat, S., Meftouh, K., Abbas, M., Jamoussi, S., Saad, M., & Smaili, K. (2015). Cross-dialectal Arabic processing. Dlm. A. Gelbukh (Ed.), *Computational*

- linguistics and intelligent text processing: Proceedings of CICLing 2015* (pp. 620–632). Springer. https://doi.org/10.1007/978-3-319-18111-0_47
- Jaradat, A. A., & Al-Khawaldeh, N. (2015). Teaching Modern Standard Arabic for non-native speakers as a lingua franca. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(5), 490–498. <https://doi.org/10.5901/MJSS.2015.V6N5P490>
- Keleg, A., Goldwater, S., & Magdy, W. (2023). ALDi: Quantifying the Arabic level of dialectness of text. *arXiv*. <https://doi.org/10.48550/arXiv.2310.13747>
- Moody, A. (2020). Authority and authenticity in media Englishes and the Englishes of popular culture. Dlm. R. A. Giri, J. L. Hall, & A. S. Khan (Eds.), *Functional variations in English* (pp. 99–110). Springer, Cham. https://doi.org/10.1007/978-3-030-52225-4_7
- Putri, I. P., Nasruddin, E., & Wahab, J. A. (2018). Imagined communities and the construction of national identity. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(7), 565–572. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/V8-I7/4399>